



Makmal sehenti bakal terima sampel kes jenayah 3 negeri

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli - September 26, 2021 @ 5:07pm
bhnews@bh.com.my



Ahmad Amzad mendengar penerangan di Jabatan Kimia Terengganu, hari ini. - NSTP/AHMAD RABIUL ZULKIFLI

KUALA TERENGGANU: Jabatan Kimia Terengganu bakal memperluas perkhidmatan Makmal Sehenti Analisis Asid Deoksiribonukleik (DNA) Forensik Zon Timur, dengan menerima sampel kes jenayah daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di tiga negeri, mulai Januari tahun depan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim, berkata susulan itu sampel kes jenayah termasuk bunuh, rogol, menyebabkan kecederaan dan samun yang dikendalikan Polis Terengganu, Kelantan serta Pahang, akan dianalisis di makmal berkenaan.

"Sebelum ini, semua sampel DNA forensik jenayah membabitkan Terengganu, Pahang serta Kelantan, dihantar ke ibu pejabat di Selangor untuk dianalisis, dan prosesnya mengambil masa hingga 30 hari sebelum keputusan diperoleh.

"Dianggarkan sebanyak 60 sampel kes jenayah di Pantai Timur yang memerlukan analisis DNA forensik, terpaksa dihantar ke ibu pejabat pada setiap bulan.

"Sehubungan itu, pewujudan makmal sehenti terbabit akan memberi kemudahan dan memendekkan tempoh memperoleh keputusan berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Perasmian Makmal Sehenti Analisis DNA Forensik dan Makmal Sehenti Analisis Air Zon Timur Sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Kimia Terengganu, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia, Mohamed Zaini Abdul Rahman, dan Pengarah Jabatan Kimia negeri, Siti Redzoh Ibrahim.

Mengulas lanjut, Ahmad Amzad berkata, Makmal Sehenti Analisis DNA Forensik Zon Timur juga akan menawarkan perkhidmatan ujian paterniti kepada orang awam dari Terengganu dan Kelantan.

"Makmal itu telah memperluaskan perkhidmatan ujian paterniti kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Terengganu, Pahang dan Kelantan.

"Ia bertujuan menangani masalah kewarganegaraan bagi menentukan pertalian kekeluargaan antara anak dengan ibu bapa susulan ketiadaan surat kelahiran. Enam kes paterniti dengan 21 barang kes sudah diterima untuk dianalisis, setakat 15 September lalu.

"Ini sebagai permulaan sebelum penerimaan sampel kes jenayah membabitkan pembunuhan, rogol, pergaduhan, penculikan, rompak, pecah rumah dan sebagainya, dibuka kepada PDRM pada Januari tahun depan," katanya.

Ahmad Amzad berkata, beliau yakin makmal terbabit akan menjadi makmal rujukan yang dapat memenuhi keperluan pelanggan, khususnya negeri di Pantai Timur.